

ETIKA PAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Pakaian Pelajar Lelaki

1. Setiap pelajar hendaklah **berpakaian kemas, sopan dan bersesuaian dengan keadaan sepertimana yang diarahkan oleh pihak Universiti** (berseluar panjang dengan berbaju kemeja atau kemeja-T atau pakaian kebangsaan masing-masing yang sesuai).
2. **Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju.** Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian serta kemas.
3. **Memakai pakaian sukan** yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi.
4. **Memakai kasut** yang sesuai. Pemakaian selipar dan sandal adalah dilarang.
5. **Tidak memakai** perhiasan perempuan atau pakaian menyerupai perempuan.
6. **Mempamerkan kad pelajar** semasa urusan rasmi

Pakaian Pelajar Perempuan

1. Setiap pelajar hendaklah **berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan keadaan sepertimana yang diarahkan oleh pihak Universiti** (pakaian kebangsaan, blaus atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai dan tidak menjolok mata. Pakaian mestilah tidak ketat/sendat/jarang/singkat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan).
2. **Memakai kain atau skirt** yang labuhnya hendaklah di bawah paras lutut.
3. **Memakai seluar** yang bersesuaian, bersih dan sopan.
4. **Memakai alat solek, aksesori dan pewangi** secara sederhana.
5. **Memakai kasut** yang sesuai.
6. **Mempamerkan kad pelajar** semasa urusan rasmi

Tempat Penguatkuasaan Peraturan Berpakaian

1. Menghadiri kuliah, tutorial dan amali.
2. Menggunakan Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY).
3. Membuat urusan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian.
4. Menghadiri majlis rasmi Universiti di dalam dan di luar kampus.
5. Menduduki peperiksaan dan ujian.
6. Berada di sekitar kampus atau tempat yang wajar berpakaian demikian.
7. Menjalani Latihan Industri.



FORMAL



TIDAK FORMAL



PAKAIAN SUKAN



PAKAIAN DI DALAM MAKMAL



CONTOH RAMBUT LELAKI
DAN RAMBUT WANITA

NOTA PENTING: Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan Berpakaian Pelajar yang ditetapkan oleh Universiti ketika berada di dalam kampus. Penguatkuasaan peraturan berpakaian pelajar adalah dibawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 serta pindaan-pindaannya.